

**Kewangan Islam Tawar Penyelesaian Menyeluruh Dan Kompetitif, Kata Zeti Bernama
8 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Dalam memenuhi kehendak ekonomi sebenar, kewangan Islam menawarkan penyelesaian menyeluruh dan kompetitif dalam memenuhi keperluan pembiayaan dan pelaburan perniagaan, kata Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia.

Beliau berkata berdasarkan dimensi dan capaian antarabangsa, dan keupayaan untuk menyediakan penyelesaian kewangan menyeluruh, kewangan Islam kini di hadapan dan mengetengahkan peluang-peluang baharu dalam menyokong kestabilan ekonomi dan pembiayaan secara menyeluruh.

Zeti berkata demikian dalam ucap tama pada Perbincangan Panel Kewangan Suku Tahunan EU-Dewan Perniagaan dan Industri EUMCCI) 2012 di sini.

"Meskipun persekitaran global yang mencabar serta keadaan yang tidak menentu, industri kewangan Islam terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 21 peratus, dan jumlah aset berlandaskan Syariah melepasi US\$1 trilion.

"Kini terdapat lebih daripada 600 institusi kewangan Islam beroperasi di lebih dari 75 negara Islam dan bukan Islam.

"Kemunculan pusat kewangan baharu di Asia dan Timur Tengah dan hubungan yang semakin meningkat, memperkukuhkan asas untuk hubungan intra dan antara serantau dalam perdagangan dan pelaburan," katanya.

Zeti berkata pasaran kewangan Islam sedia ada yang maju, termasuk sukuk dan pasaran wang Islam, sangat penting dalam mengurus dana dalam sistem kewangan Islam.

"Ia kini merupakan platform penting untuk mengumpul dana antarabangsa dan aktiviti pelaburan yang meningkatkan aliran merentas sempadan. Daripada US\$33 bilion pada 2006, pasaran sukuk berkembang kepada US\$180 bilion sehingga akhir 2011.

"Kerangka kerja dan proses yang menyokong Malaysia untuk menjadi penerbit sukuk dan penyenaian sukuk juga memudahkan proses terbitan suku denominasi ringgit dan bukan ringgit.

"Usaha untuk memperkukuh pasaran sukuk membuka pelbagai peluang untuk penyertaan dalam pasaran ini, dengan saiz sukuk korporat dan sukuk negara Malaysia berkembang tiga kali ganda, daripada RM120 bilion pada 2005 kepada RM353 bilion sehingga akhir 2011," katanya.

Zeti berkata perkembangan penting dalam kewangan Islam Malaysia adalah hasil mengantarabangsakan dan memperkenalkan lebih banyak penyelesaian kewangan berlandaskan Syariah yang lebih inovatif, yang memenuhi keperluan perniagaan antarabangsa yang pelbagai dan semakin kompleks.

Beliau juga menarik perhatian mengenai hakikat bahawa kewangan Islam yang sebelum ini bertumpukan dalam negara, kini meningkatkan penyelesaian kewangan untuk perdagangan dan pelaburan merentas sempadan.

"Liberalisasi progresif memudahkan usaha untuk mengantarabangsakan kewangan Islam.

"Ini diperkukuh oleh inovasi pada tahap dinamik dalam kewangan Islam yang meluaskan produk dan perkhidmatan kewangan," katanya.

Oleh itu kata Zeti kewangan Islam sudah menjadi saluran yang sangat penting untuk kelancaran pengagihan dana merentas sempadan dan kepelbagaian risikonya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650888>